

PRU15 penentu 3 gabungan parti jadi kerajaan atau pembangkang

● Rakyat kini sedar, parti pemerintah dan kerajaan boleh bertukar atau pernah ditukar rakyat menjadi parti pembangkang dan sebaliknya

● Tiga gabungan parti utama di Semenanjung - BN, PH dan PN perlu segera membuat keputusan melantik bakal Perdana Menteri selepas keputusan PRU15 diketahui

Oleh Datuk Dr Jayum Jawan
bhrencana@bh.com.my

Mulai 5 November ini, semua parti bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) secara rasminya akan bergerak ke 'medan perang' dalam usaha meraih sokongan pengundi bagi membentuk kerajaan Persekutuan.

Pada dua dekad lalu, rakyat melihat kerajaan boleh terdiri daripada parti dan individu baharu serta bukan sahaja terikat kepada satu kumpulan atau parti dan perikatan parti sama.

Boleh dikatakan, rakyat kini sedar, parti pemerintah dan kerajaan boleh bertukar atau pernah ditukar rakyat menjadi parti pembangkang dan sebaliknya.

Perkara ini terjadi pasca PRU14, menyaksikan Pakatan Harapan (PH) berpeluang menjadi kerajaan selama 22 bulan, sebelum tumbang pada 2019 dan digantikan Perikatan Nasional (PN).

Keputusan PRU14 menunjukkan UMNO dan Barisan Nasional (BN) mampu ditewaskan selepas 60 tahun memerintah Malaysia dan perkara itu berlaku disebabkan penyokong tegar parti terbabit berubah pendirian.

UMNO merasakan parti itu dan BN mampu untuk bangkit semula, namun pada masa sama Johor dan Melaka mungkin bukan petunjuk tepat UMNO/BN bangkit semula pada peringkat Persekutuan. Mungkin pada peringkat negeri ia mampu berlaku.

Namun enam negeri mengambil keputusan tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN), maka percaturan dan perlawanan perebutan kuasa akan tertumpu peringkat Persekutuan pada PRU15 nanti.

Baru-baru ini, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menzahirkan pentingnya BN menang besar pada PRU15 dengan memberi alasan bagi menghentikan pendakwaan selektif terhadap

pemimpin parti itu.

Dalam ucapan itu, beliau kedengaran memberi amaran kepada beberapa tokoh BN, mereka menunggu giliran untuk diheret ke muka pengadilan.

Beliau mungkin merujuk kepada kes perbicaraan dirinya yang masih berjalan sementara dalam satu kes lagi, beliau dibebaskan tanpa perlu membela diri kerana pertuduhan didapati mahkamah tidak kukuh.

Sama ada Ahmad Zahid bergurau atau sebaliknya, ini suatu kenyataan amat serius kerana hal ini keluar daripada mulut seorang dari ketua parti pernah memerintah negara selama 60 tahun sebelum parti beliau tewas pada PRU14 pada Mei 2018.

Isu jadi senjata lawan

Ini suatu isu pasti digunakan pihak lawan, sekali gus menuntut BN dan UMNO menjawab serangan mungkin dilemparkan kepada gabungan itu ketika berkempen nanti.

Persoalan isu dibangkitkan

Ahmad Zahid ini ialah sejauh mana ia dapat mengalihkan sokongan penyokong tegar UMNO ke parti lain, dan sekali gus menahan kebangkitan semula UMNO dan BN.

Hakikatnya, sejak ramai pemimpin utama kerajaan disabitkan pendakwaan dalam pelbagai kes rasuah dan salah guna kuasa, imej negara di luar negara amat terjejas.

Justeru, adakah PN atau PH dapat menggunakan isu ini untuk menyerang BN, sekali gus menarik sokongan pengundi kepada mereka pada PRU15 nanti?

Sementara itu, isu kepemimpinan dilontarkan Ahmad Zahid dijangka mempengaruhi kempen dan isu dibangkitkan parti lawan termasuk di Sabah dan Sarawak.

Selain itu, wujud kebarangkalian dalam kempen PRU15 nanti, isu tadbir urus baik tanpa rasuah dan bebas salah guna kuasa serta tuntutan dalam aspek Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dimainkan parti menentang BN khususnya PH.

Tidak mustahil kedua-dua isu ini boleh digunakan

dengan pelbagai konteks parti bertanding nanti. Penentang BN pasti mewujudkan isu tadbir urus negara yang baik dan pihak mana harus dipercayai.

Ketika pemimpin BN khususnya UMNO terpalit dengan beberapa kes rasuah dan salah guna kuasa, pihak PH dan PN pula dilihat lebih 'bersih' walaupun tidak suci.

Dalam soal tuntutan MA63, setakat ini topik berkenaan bukan lagi menjadi isu 'duri dalam daging' kepada negara walaupun tidak mustahil dibangkitkan semula bagi menjentik persepsi dan emosi pengundi Borneo.

Persoalan siapa bakal dipilih menjadi Perdana Menteri juga amat menarik dibincangkan kerana setiap gabungan parti bertanding tidak menafikan peluang untuk membentuk kerajaan dengan majoriti kukuh, amat tipis.

Timbul juga persoalan adakah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berpeluang untuk kekal menjadi Perdana Menteri jika UMNO/BN memenangi PRU15 nanti.

Mengikut amalan demokrasi berparlimen dan kelaziman sistem ini, ketua parti atau ketua perikatan mendapat kemenangan majoriti di Dewan Rakyat biasanya dipilih menubuhkan kerajaan selepas setiap pilihan raya.

Amalan presiden parti jadi PM

Maka, seandainya ditakdirkan BN menang pada PRU15 nanti, maka mengikut amalan sebelum ini, Ahmad Zahid selaku Presiden UMNO pasti dilantik sebagai Perdana Menteri baharu.

Begitu juga jika PH menang, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi PH pasti dilantik sebagai Perdana Menteri dan sekiranya PN menang, maka Presiden BERSATU yang juga Pengerusi PH, Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah orangnya.

Dalam hal ini, pemimpin PAS atau parti gabungan dari Sabah atau Sarawak sudah tentu tidak berpeluang merasai jawatan Perdana Menteri kerana kehadiran mereka dalam gabungan parti hanya pelengkap untuk meraih majoriti kukuh.

Justeru, pada PRU15 ini, Sarawak akan terus keliru dengan siapa mereka perlu menyatakan sokong secara terbuka. Sekiranya salah pilih rakan, Gabungan Parti Sarawak (GPS) boleh saja bersikap 'mesra kepada parti memerintah' seperti pasca PRU14.

Sejarah menunjukkan bahawa tiada untung menyokong orang kalah walaupun slogan popular di Sarawak suatu ketika ialah 'kita akan berenang atau tenggelam bersama rakan'.

Pada malam pengiraan undi nanti, tiga gabungan parti utama di Semenanjung, iaitu BN, PH dan PN perlu segera membuat keputusan untuk melantik siapa bakal Perdana Menteri.

Namun, ia bergantung kepada pakej menarik ditawarkan kepada parti kecil lain untuk mencukupkan bilangan melepasi angka ajaib 112.

Di antara semua parti kecil, GPS adalah gabungan mempunyai jumlah kerusi menawan kerana gabungan ini dijangka meraikan kemenangan selesa, tetapi tidak menyapu bersih semua 31 kerusi Parlimen di Sarawak.

Oleh kerana mengawal tiga negeri, maka PAS juga akan menjadi blok kedua selepas GPS dipilih untuk membentuk kerajaan dengan majoriti kukuh.

Sebagai parti pemerintah di tiga negeri - Kelantan, Terengganu dan Kedah, maka PAS berpeluang mempertahankan sejumlah kerusi sedia ada sebagai angka untuk berunding dengan pemenang terbaik kelak.



Profesor Sains Politik, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkap Felo Akademi Sains Malaysia

